

'Keris berdiri' di Muzium Negara

Kosmo 12/12/08 MISH

KUALA LUMPUR - Percayakah anda terhadap dakwaan sesetengah pihak bahawa senjata tradisional seperti keris, tombak, lembing, badik atau lading mempunyai unsur 'kesaktian' atau memiliki kuasa 'misteri' tertentu.

Biarpun begitu, segala-galanya akan terjawab apabila satu demonstrasi khas 'keris berdiri' dan 'keris bergerak' bakal diadakan pada pameran Senjata Tradisional, Misteri

dan Kesaktian anjuran Muzium Negara pada 16 Disember ini hingga 20 April 2009.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Ibrahim Ismail, pameran berkenaan bertujuan memberi kefahaman kepada orang ramai tentang dunia mistik mengenai senjata tradisional khususnya keris.

"Senjata yang bakal dipamer nanti adalah yang benar-benar mem-

punyai keistimewaan termasuk dari segi ukiran dan warisan.

"Kami akan menjemput dua orang pakar dari Indonesia untuk melakukan demonstrasi tersebut," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Selain demonstrasi keris berdiri dan bergerak, terdapat juga demonstrasi ukiran berasaskan ais, perasapan, menempa keris, cuci keris, perubahan menggunakan senjata

dan demonstrasi hulu serta sarung keris.

"Kami juga akan menjemput pakar dari Makasar, Indonesia untuk melakukan pertunjukan seni mempertahankan diri 'ilmu kebal'," tambahnya.

Ibrahim memberitahu, pihaknya juga akan mengadakan pertandingan seperti gubahan hantaran berasaskan senjata, mencari senjata purba tersembunyi, seni kecantikan

keris Semenanjung, esei bertema 'Senjata Tradisional, Misteri dan Kesaktian' serta pertandingan menyumpit.

Pertandingan ini dibuka kepada orang ramai yang berminat dan penyertaan adalah percuma.

Sempena pameran itu nanti Ibrahim memberitahu, dua senjata terpilih dalam koleksi 'mistik' dan 'kesaktian' akan dipamerkan pada setiap minggu.



IBRAHIM (kiri) menunjukkan keris bernama *Pengemian* (jenis Madura) sambil diperhatikan oleh timbalannya, Wan Jamaluddin Wan Yusof pada sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.